

# Universiti terbuka tertumpu pada kejuruteraan dan teknikal — PM

Mn.M - 4 AUG 1991

KUALA LUMPUR 3 Ogos — Penubuhan universiti terbuka di negara ini akan lebih menumpukan kepada bidang kejuruteraan dan teknikal, kata Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, cadangan menubuhkan universiti sedemikian masih di bawah kajian dan kerajaan terpaksa mengatasi beberapa masalah sebelum melaksanakannya.

"Kita mungkin mengadakan sebuah universiti terbuka yang tidak begitu besar skopnya agar tujuan penubuhan universiti sedemikian mencapai

matlamat," kata Perdana Menteri kepada para pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan ke-20 di sebuah hotel di sini.

Menurutnya' masalah yang timbul adalah bilangan tenaga pengajar termasuk para pensyarah dan profesor yang jelas amat berkurangan di negara ini.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan bahawa kerajaan akan cuba mencari jalan untuk menubuhkan universiti sedemikian walaupun menghadapi kekurangan itu.

Perdana Menteri menjelaskan, teknik pembelajaran melalui televisyen mungkin diperkenalkan bagi mereka yang mengikuti kursus teknikal dan kejuruteraan.

Beliau menambah, mereka yang mengikuti kursus kesuasasteraan dan bahasa boleh belajar sendiri tetapi mereka yang mengikuti kursus teknikal sudah tentu menghadapi kesulitan kerana kekurangan alat.

"Oleh itu, kita mungkin memperkenalkan pembelajaran dengan menggunakan televisyen," ujarnya.

Mengulas tentang rumusan persidangan Menteri - Menteri Penerangan ASEAN yang mahu mencari satu pendekatan untuk menghadapi laporan tidak seimbang oleh media Barat, katanya, usaha itu memang patut dilakukan.

Menurutnya, negara - negara ASEAN sekurang - kurangnya dapat mengatasi masalah ketidakadilan laporan media Barat itu melalui pertukaran berita yang berpunca dari negara mereka sendiri.

Walaupun bukan mudah untuk melaksanakan usaha sedemikian tetapi ia perlu dilakukan, ujarnya.